



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PENILAIAN TAHAP KEFAHAMAN TENTANG RANCANGAN
PENGAJARAN HARIAN DALAM KALANGAN PELAJAR
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

NURASYIKIN BINTI ABD. RAHMAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT
UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(PENILAIAN PENDIDIKAN)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2017



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan menilai tahap kefahaman Rancangan Pengajaran Harian (RPH) dalam kalangan pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk mengetahui adakah terdapat perbezaan tahap kefahaman RPH dalam kalangan pelajar bidang Sains dan Matematik dengan pelajar bidang Sains Kemanusiaan. Di samping itu, kajian ini juga bertujuan mengetahui adakah terdapat perbezaan tahap kefahaman RPH antara pelajar UPSI yang memperoleh gred A dalam latihan mengajar dengan pelajar yang gagal memperoleh gred A dalam latihan mengajar. Seramai 241 orang responden di kalangan pelajar Ijazah Sarjana Muda Pendidikan UPSI semester 8 bagi sesi 2014/2015 yang telah menjalani sesi latihan mengajar telah dipilih sebagai sampel kajian. Satu set soal selidik K-RPH telah dibina berdasarkan prinsip-prinsip yang terdapat di dalam model Madeline Hunter dan model ASSURE. Analisis mengenai kesahan dan kebolehpercayaan instrumen berdasarkan model pengukuran Rasch mendapati instrument K-RPH mempunyai nilai kesahan dan kebolehpercayaan yang baik. Hasil analisis deskriptif menunjukkan para pelajar UPSI mempunyai tahap kefahaman RPH yang baik. Seterusnya, dapatan juga menunjukkan terdapat perbezaan tahap kefahaman RPH yang signifikan antara pelajar bidang Sains dan Matematik dengan pelajar bidang Sains Kemanusiaan, di mana Kefahaman RPH pelajar bidang Sains dan Matematik adalah lebih baik. Di samping itu, dapatan kajian juga menunjukkan terdapat perbezaan tahap kefahaman RPH yang signifikan antara pelajar yang memperoleh gred A dalam sesi latihan mengajar dengan pelajar yang gagal memperoleh gred A dalam sesi latihan mengajar, di mana kefahaman RPH pelajar yang memperoleh gred A dalam sesi latihan mengajar adalah lebih baik. Kesimpulannya, kefahaman RPH pelajar UPSI adalah berada pada tahap yang baik. Implikasi kajian ini ialah kajian ini dapat membantu pensyarah menilai keberkesanan pengajaran serta membuat semakan kurikulum secara berterusan. Kesediaan bakal guru untuk melangkah ke bidang pekerjaan sebenar juga dapat dinilai.





THE EVALUATION OF DAILY LESSON PLAN UNDERSTANDING LEVEL AMONG THE STUDENTS OF SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY (UPSI)

ABSTRACT

The study evaluates the level of understanding among the students of Sultan Idris Education University (UPSI) on the Daily Lesson Plan (DLP). The study analyses on whether there are differences of DLP understanding among the students taking the 'Sciences and Mathematics' and the 'Human Sciences' courses. The study also focuses on whether there are differences of DLP understanding among the students with 'Grade A' and 'non-Grade A' in practical teaching sessions. In the study, the researcher takes 241 bachelor degree of education students who are in semester 8 of the 2014/2015 session and also has completed the practical teaching sessions. Therefore, the K-RPH survey has been created based on the principles existed in the Madeline Hunter and ASSURE models. Analysis on the validity and reliability of instruments is conducted by using the Rasch Model. Thus, the K-RPH instrument is established to have achieved a good level of validity and reliability. After the implementation of the K-RPH instrument, the data obtained are analysed by using descriptive analysis using the Rasch Model and t-test. The outcome of the study reveals that the students have a good DLP understanding. There are significant differences of the DLP understanding between the 'Sciences and Mathematics' students and the 'Human Sciences' students. The DLP understanding level of the 'Sciences and Mathematics' students is also higher than the 'Human Sciences' students. Besides, there exists significant differences between the students with 'Grade A' and those with 'non-Grade A' in practical teaching sessions. Hence, the DLP understanding is better among the students with 'Grade A' in practical teaching session. The implications of the study are that it will assist the academics to evaluate teaching effectiveness and to conduct a continuous review of the curriculum. The study will also evaluate the future teacher's preparation towards entering into a real teaching profession.





KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI SINGKATAN	xvi
SENARAI LAMPIRAN	xvii
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Masalah	4
1.3 Penyataan Masalah	6
1.4 Objektif Kajian	11
1.5 Persoalan Kajian	11
1.6 Kerangka Konseptual Kajian	12
1.7 Hipotesis Kajian	13
1.8 Kepentingan Kajian	13
1.8.1 Universiti	13



1.8.2 Pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris	13
1.9 Batasan Kajian	15
1.10 Definisi Operational	15
1.11 Kesimpulan	17

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan	18
2.2 Definisi dan Fungsi Rancangan Pengajaran Harian	19
2.3 Model Penulisan Rancangan Pengajaran Harian	21
2.3.1 Model Pengajaran ASSURE	22
2.3.1.1 Analisis Pelajar	23
2.3.1.2 Menyatakan Objektif	25
2.3.1.3 Memilih Kaedah, Media dan Bahan	26
2.3.1.4 Guna media dan bahan	28
2.3.1.5 Penglibatan Murid	30
2.3.1.6 Nilai dan Semak	31
2.3.2 Model Hunter	32
2.3.2.1 Menyediakan Pelajar untuk Belajar	37
2.3.2.2 Perkembangan Pengajaran	38
2.3.2.3 Semakan Kefahaman Pelajar	39
2.3.2.4 Latihan Berasingan	40
2.3.3 Perbandingan antara model penulisan Rancangan Pengajaran Harian ASSURE dan Madeline Hunter	41
2.3.4 Penjanaan Model M3P	44
2.3.4.1 Menganalisis	44



2.3.4.2	Penentuan Matlamat	45
2.3.4.3	Penyusunan Pengalaman Pembelajaran	46
2.3.4.4	Penilaian dan Refleksi	48
2.4	Kefahaman Mendalam	50
2.4.1	Kerangka Kerja Pentaksiran Kefahaman RPH	50
2.5	Rasional Penulisan Setiap Komponen Dalam Rancangan Pengajaran Harian	55
2.5.1	Rasional Penulisan Komponen Hari	56
2.5.2	Rasional Penulisan Komponen Masa	58
2.5.3	Rasional Penulisan Komponen Kelas	59
2.5.4	Rasional Penulisan Komponen Mata Pelajaran	61
2.5.5	Rasional Penulisan Komponen Tajuk atau Topik	64
2.5.6	Rasional Penulisan Komponen Objektif dan Hasil Pembelajaran	64
2.5.7	Rasional Penulisan Komponen Alat dan Bahan Bantu Mengajar	66
2.5.8	Rasional Penulisan Komponen Pengetahuan Sedia Ada Pelajar	68
2.5.9	Rasional Penulisan Komponen Kaedah dan Strategi Pengajaran	69
2.5.10	Rasional Penulisan Komponen Set Induksi	72
2.5.11	Rasional Penulisan Komponen Isi Pengajaran	73
2.5.12	Rasional Penulisan Komponen Aktiviti (Pengalaman Pembelajaran)	73
2.5.13	Rasional Penulisan Komponen Penilaian dan Pentaksiran	76
2.5.14	Rasional Penulisan Komponen Refleksi	78





2.6	Integrasi setiap komponen Rancangan Pengajaran Harian	79
2.7	Rancangan Pengajaran Harian Pelajar UPSI	83
2.8	Kerangka Teori Kefahaman Rancangan Pengajaran Harian	90
2.9	Kesahan dan Kebolehpercayaan	91
2.9.1	Model Pengukuran Rasch	91
2.10	Kesimpulan	93
BAB 3 METODOLOGI		
3.1	Pengenalan	94
3.2	Reka Bentuk Kajian	95
3.3	Populasi dan Sampel	95
3.4	Instrumen Kajian	96
3.4.1	Rangka Pembinaan Instrumen	97
3.5	Peringkat Pembinaan Instrumen	97
3.6	Kebolehpercayaan item dan individu bagi instrumen K-RPH	104
3.7	Kesahan item instrumen K-RPH	107
3.7.1	Kriteria kesahan pengukuran	108
3.7.2	Poin Biserial	110
3.7.3	Ukuran Kesukaran Item dan Responden	112
3.7.4	Menentukan dan Mengesan Unidimensi	115
3.7.5	Keputusan Kesahan Item K-RPH	116
3.8	Analisis Data Kuantitatif	117
3.9	Kesimpulan	119



BAB 4 DAPATAN KAJIAN 121

4.1	Pengenalan	121
4.2	Profil Responden	122
4.3	Analisis Deskriptif Tahap Kefahaman RPH	123
4.3.1	Min, Mod, Peratus Ukuran Kebolehan Melebihi Min dan Ukuran Darjah Perbezaan Anggaran Kebolehan Guru dalam Setiap Dimensi	123
4.3.2	Ukuran Darjah Perbezaan Anggaran Kebolehan Individu ' <i>Variability</i> ' dalam Ukuran Logits Setiap Dimensi	124
4.3.3	Tahap Kefahaman RPH Pelajar UPSI	125
4.4	Analisis Deskriptif Tahap Kefahaman RPH Dari Dimensi Menganalisis RPH	127
4.5	Analisis Deskriptif Tahap Kefahaman RPH Dari Dimensi Penentuan Matlamat RPH	134
4.6	Analisis Deskriptif Tahap Kefahaman RPH Dari Dimensi Penyusunan Pengalaman Pembelajaran	138
4.7	Analisis Deskriptif Tahap Kefahaman RPH Dari Dimensi Penilaian Refleksi	141
4.8	Perbezaan Kefahaman RPH Antara Pelajar UPSI Mengikut Bidang Pengkhususan	145
4.9	Perbezaan Kefahaman RPH Antara Pelajar UPSI Mengikut Gred Latihan Mengajar	146
4.10	Kesimpulan	147

BAB 5 RUMUSAN, PERBINCANGAN, CADANGAN

5.1	Pengenalan	148
5.2	Rumusan Hasil Dapatan	149
5.3	Perbincangan	149

5.3.1 Tahap Kefahaman RPH Pelajar UPSI	150
5.3.1.1 Kefahaman RPH Pelajar UPSI dari Dimensi Menganalisis RPH	150
5.3.1.2 Kefahaman RPH Pelajar UPSI dari Dimensi Menentukan Matlamat RPH	154
5.3.1.3 Kefahaman RPH Pelajar UPSI dari Dimensi Penyusunan Pengalaman Pembelajaran	155
5.3.1.4 Kefahaman RPH Pelajar UPSI dari Dimensi Penilaian dan Refleksi Pengajaran	158
5.3.2 Perbezaan Tahap Kefahaman RPH Mengikut Bidang Pengkhususan	158
5.3.3 Perbezaan Kefahaman RPH Antara Pelajar UPSI Mengikut Gred Latihan Mengajar	160
5.4 Implikasi Kajian	161
5.4 Cadangan Kajian Lanjutan	162
5.5 Kesimpulan	163
RUJUKAN	164
LAMPIRAN	

SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
2.1 Dimensi Pentaksiran Kefahaman RPH	57
3.1 Populasi dan Sampel	102
3.2 Senarai Soalan Protokol Temu Bual	105
3.3 Jadual Penentuan Item Bagi Instrumen K-RPH	108
3.4 Koeffisien Kebolehpercayaan Cronbach Alpha	110
3.5 Indeks Pengasingan Individu	112
3.6 Indeks Pengasingan Item	114
3.7 Kriteria Kesahan Item	115
3.8 Polariti Item	118
3.9 Hierarki Item-Item Instrumen K-RPH Mengikut Skor Logit	121
3.10 Varians Reja Terpiawai (Dalam Unit Eigen)	123
3.11 Kriteria bagi kesahan item dalam instrumen K-RPH	124
3.12 Pemindahan Skor Rubrik kepada Skala Ordinal	125
3.13 Analisis Data Kuantitatif	126
4.1 Demografi Responden	130
4.2 Min, Mod dan Peratus Pelajar Melebihi Min Anggaran Kefahaman RPH dalam Setiap Dimensi K-RPH	131
4.3 Ukuran Darjah Perbezaan Anggaran Kefahaman RPH Individu 'Variability' dalam Ukuran Logits Setiap Dimensi K-RPH	132
4.4 Tahap Kefahaman Terhadap Rancangan Pengajaran Harian Secara Keseluruhan	134
4.5 Tahap Kefahaman RPH dari Dimensi Menganalisis RPH	136

4.6	Fungsi RPH	137
4.7	Rasional Mencatat Waktu Pengajaran	138
4.8	Faktor-Faktor Yang Diambilkira bagi Merancang Pengajaran	139
4.9	Rasional Penentuan Bahan Bantu Mengajar dan Alat Bantu Mengajar	140
4.10	Tahap Kefahaman RPH dari Dimensi Penentuan Matlamat RPH	143
4.11	Sumber Rujukan bagi memilih bahan bantu mengajar	143
4.12	Ciri-ciri Objektif Yang Dirancang	144
4.13	Tahap Kefahaman RPH dari Dimensi Penyusunan Pengalaman Pembelajaran	147
4.14	Kriteria Set Induksi Yang Telah Dirancang	147
4.15	Ciri-Ciri Strategi Pengajaran	148
4.16	Tahap Kefahaman RPH dari Dimensi Penentuan Matlamat RPH	151
4.17	Fungsi Rekod Keputusan Pentaksiran dan Penilaian	151
4.18	Rasional Pemberian Gred kepada Pelajar	152
4.19	Perbezaan Tahap Kefahaman RPH Mengikut Bidang Pengkhususan	153
4.20	Perbezaan Tahap Kefahaman RPH Mengikut Gred Latihan Mengajar	154

SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Kerangka Konseptual Kajian	13
2.1 Saluran Media	24
2.2 Kon Pembelajaran Pengalaman Dale Dalam Konteks Media (1946)	29
2.3 Kon Pengalaman Pembelajaran Dale Dengan Contoh Media	29
2.4 Asas Pendekatan Masteri (Eftah, 2016)	35
2.5 Ilustrasi Model Pembelajaran Piaget oleh Lutz & Huitt (2004)	38
2.6 Pembelajaran Bermakna Ausubel (1998)	39
2.7 Gambar Rajah Venn Model ASSURE dan Hunter	45
2.8 Model M3P	52
2.9 Kerangka Kerja Pentaksiran Kefahaman RPH	58
2.10 Taxonomi Bloom	69
2.11 Carta Aliran Rancangan Pengajaran dan Pelaksanaannya	88
2.12 Peta Domain Pemikiran	93
3.1 Peta <i>Person Item</i>	122
4.1 Taburan Kesukaran Item dan Kefahaman RPH Pelajar	133
4.2 Taburan Kesukaran Item dan Kefahaman RPH Pelajar (Dimensi Menganalisis RPH)	135
4.3 Taburan Kesukaran Item dan Kefahaman RPH Pelajar (Dimensi Penentuan Matlamat RPH)	142
4.4 Taburan Kesukaran Item dan Kefahaman RPH Pelajar (Dimensi Penyusunan Pengalaman Pembelajaran)	146



4.5 Taburan Kesukaran Item dan Kefahaman RPH Pelajar 150 (Dimensi Penilaian dan Refleksi)





SENARAI SINGKATAN

RPH	Rancangan Pengajaran Harian
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
ABM	Alat Bantu Mengajar
BBM	Bahan Bantu Mengajar





SENARAI LAMPIRAN

No. Lampiran

- 1 Surat Pengesahan Pelajar Untuk Membuat Penyelidikan
- 2 Jadual Penentu Item (JPI)
- 3 Kesahan Pakar
- 4 Instrumen K-RPH
- 5 a) Contoh Rancangan Pengajaran Harian (Sejarah Tingkatan 1)
b) Contoh Rancangan Pengajaran Harian (Sains Tingkatan 2)
- 6 Hasil Protokol Temu Bual





BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan



Malaysia merupakan sebuah negara yang sedang membangun dengan pesat dari segi ekonomi. Oleh itu, dalam menyediakan pelapis masyarakat yang berfikiran maju dan berdaya saing, sistem pendidikan negara perlu seiring dengan kepesatan pembangunan negara kita. Hal ini jelas tersurat di dalam Pelan Pendidikan Malaysia (2012), di mana pendidikan memainkan peranan yang penting dalam perkembangan ekonomi dan pembangunan sesebuah negara. Untuk itu, proses pengajaran dan pembelajaran yang berlaku di dalam bilik darjah merupakan penentu utama kejayaan masa depan negara. Pendidikan juga merupakan asas pembentukan negara bangsa yang bersatu padu. Melalui pendidikan, individu berpeluang meningkatkan kualiti hidup, menjadi ahli masyarakat yang berjaya serta aktif menyumbang kepada pembangunan negara.





Oleh itu, guru perlu meneliti semula strategi pengajaran yang digunakan bagi merealisasikan impian negara untuk melahirkan modal insan yang berguna sejajar dengan Falsafah Pendidikan Negara yang mahu melahirkan individu yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelektual. Kajian perlu dilakukan bagi mengenal pasti kekurangan yang ada dalam sistem pendidikan di Malaysia. Jika strategi pembelajaran di kelas tidak dilakukan dengan teliti, pelajar mungkin akan keliru dengan konsep atau teori yang ingin diketengahkan, pembelajaran juga akan menjadi bosan serta gagal menarik minat pelajar dan seterusnya pelajar akan mula melakukan perkara-perkara yang tidak diingini seperti ponteng sekolah.

Isu ponteng sekolah bukanlah suatu isu baru di Malaysia, dan antara faktor berlakunya ponteng sekolah adalah pelajar kurang berminat dengan sesi pengajaran dan pembelajaran yang berlangsung di sekolah (Suhaizah Zainoldin, 2008 ; Idris Mat Kilau, 1997). Hal ini menunjukkan guru perlu melakukan sesuatu bagi menghasilkan aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang boleh menarik minat pelajar untuk ke sekolah dan terlibat dalam aktiviti pembelajaran sekaligus mengurangkan masalah ponteng sekolah dalam kalangan pelajar. Terdapat dua faktor yang menyebabkan pengajaran di dalam kelas menjadi bosan dan kurang berkesan iaitu terdapat kelemahan dalam merancang pengajaran dan kurang kefahaman tentang kepentingan perancangan pengajaran dalam membantu guru menyampaikan ilmu dengan berkesan. Tyler (1949) menyatakan jika guru tidak membuat perancangan pengajaran yang rapi, bagaimana guru mampu menjalankan pengajaran yang berkesan sehingga mampu mengubah tingkah laku pelajar ke arah tingkah laku yang dimahukan.





Pengajaran yang berkesan ialah hasil daripada suatu perancangan yang begitu teliti dan berkualiti. Abdul Ghani, Abdul Rahman dan Abdul Rashid (2007) berpendapat bahawa pengajaran berkesan melibatkan dua isu. Yang pertama ialah ia membolehkan pelajar memperoleh kemahiran, pengetahuan, dan sikap yang ditetapkan. Yang kedua ialah ia melibatkan penyertaan pelajar secara aktif dan juga penglibatan dengan penggunaan beberapa teknik yang tepat. Perancangan yang teliti dan berkualiti amat penting bagi memastikan setiap saat yang berlangsung di dalam kelas dapat digunakan dengan optimum.

Seseorang graduan ijazah sarjana muda pendidikan akan diberikan ilmu berkaitan bidang pengkhususan dan ilmu berkaitan bidang pendidikan. Ilmu bidang pendidikan inilah yang membezakan antara graduan ijazah sarjana muda pendidikan dengan graduan-graduan ijazah sarjana muda yang lain. Hal ini kerana mereka merupakan bakal pendidik yang merupakan agen perubahan yang paling penting bagi mengubah sistem pendidikan di negara kita. Peranan guru di sekolah bukan sahaja memastikan sukatan pelajaran dapat dihabiskan seperti yang dirancang, tetapi tugas guru sebenarnya sangat besar iaitu memastikan pembelajaran di dalam kelas berjalan dengan lancar dan memberi kesan yang positif kepada pelajar sehingga pelajar itu mampu menjadi modal insan yang berguna kepada agama, bangsa dan negara.

Menurut Mishra (2009), Rancangan Pengajaran Harian ialah sebuah diskripsi yang teliti mengenai instruksional (langkah-langkah arahan) untuk sesebuah pengajaran. Akhiar & Shamsina (2010) menegaskan bahawa tujuan merancang adalah membolehkan sesuatu tugas itu dilakukan dengan baik dan berkesan. Jika perancangan tidak disusun





atur dengan betul, mungkin guru bakal menghadapi kesukaran untuk mengawal kelas. Kegagalan merancang boleh menyebabkan guru terjebak dengan reaksi serta tindak balas murid sewaktu sama-sama menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran. Menurutny lagi, antara tujuan merancang pengajaran yang lain ialah merekod sesi pengajaran supaya dapat dijadikan rujukan di masa akan datang, membantu guru untuk menghasilkan idea, membantu dalam pengurusan masa, menjadi evidens untuk tujuan formaliti, membantu dalam mencari punca masalah dalam pengajaran, dan menjadikan pengajaran lebih berstruktur.

Kesimpulannya, bagi menghasilkan pengajaran yang berkesan guru perlulah merancang pengajaran dengan teliti serta memahami keperluan setiap komponen yang ditulis di dalam RPH. Jika perancangan pengajaran tidak diteliti, sudah pasti pengajaran di dalam kelas akan tidak teratur, membosankan serta guru tidak akan dapat melahirkan pelapis modal insan yang berguna.

1.2 Latar Belakang Masalah

Pembelajaran berkesan adalah hasil daripada usaha seorang guru yang gigih dalam merencana pengajaran dan tidak kenal erti putus asa dalam mencari jalan bagi memudahkan pelajar memahami pembelajaran di dalam kelas. Sharil (2004) menyatakan bahawa antara amalan pengajaran guru-guru di sekolah ialah menulis Rancangan Pengajaran Harian (RPH) sebelum masuk ke kelas, membuat penyampaian fakta di kelas, membimbing pelajar, memastikan penguasaan kemahiran dan konsep serta memastikan sukatan pelajaran dihabiskan sebelum akhir tahun. Oleh itu, bagi memastikan para pelajar





memperoleh ilmu yang berguna di akhir setiap sesi pengajaran dan pembelajaran, guru-guru mestilah merancang bahan bantu mengajar yang berguna, merancang pelbagai kaedah pengajaran, serta merancang aktiviti-aktiviti yang menjana pemikiran kreatif para pelajar.

Dalam memastikan kesediaan bakal guru di mana-mana universiti mahupun di Institut Pendidikan Guru (IPG) sudah semestinya mereka akan dibekalkan dengan beberapa teras pengetahuan guru. Antaranya ialah pengetahuan isi kandungan, pengetahuan pedagogi am, pengetahuan kurikulum, pengetahuan pedagogi isi kandungan, pengetahuan tentang pelajar serta ciri-cirinya, pengetahuan konteks pendidikan serta pengetahuan matlamat, tujuan, nilai dan falsafah pendidikan (Shulman, 1987).



Bagi menghasilkan sesebuah Rancangan Pengajaran Harian, para pelajar ijazah sarjana muda pendidikan mestilah mengaplikasikan kesemua teras pengetahuan guru yang telah mereka pelajari di sepanjang semester 1 hingga ke semester 6. Bagi para pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), mereka akan menjalani latihan mengajar (praktikum) pada semester 7 dan kembali ke UPSI pada semester 8 untuk menjalani semester terakhir sebelum ke dunia pekerjaan yang sebenar.

Suatu kajian yang dilakukan oleh Mimi Mohaffyza, Md. Nazarudin dan Masitah (2011), mendapati bahawa strategi pengajaran secara koperatif telah berjaya menarik minat pelajar untuk belajar. Antara kaedah yang dicadangkan ialah dengan merancang aktiviti berasaskan projek. Kaedah ini memerlukan pelajar untuk berdikari dan menggunakan pembelajaran sendiri. Maka jelaslah di sini bahawa sebagai guru, kita





perlu merancang aktiviti yang dapat menggalakkan pelajar berfikir dan mendalami ilmu yang ingin dipelajari demi menyelesaikan tugas atau projek yang diberikan oleh guru.

Dalam merancang pengajaran, guru mestilah menekankan tentang kemahiran berfikir yang mahu diterapkan dalam kalangan pelajar. Kefahaman guru dalam merancang aktiviti yang memerlukan kemahiran berfikir sangat diperlukan kerana dengan aktiviti kemahiran berfikir dapatlah kita melahirkan para pelajar yang kreatif. Hughes (2006) menegaskan bahawa kebiasaannya guru hanya akan prihatin dalam melihat pemikiran pelajar apabila ia melibatkan tugas aras kognitif yang tinggi berbanding tugas aras kognitif rendah. Malah, terdapat sesetengah guru yang merancang pengajaran tetapi realitinya rancangan tersebut tidak menggambarkan keprihatinan mereka terhadap pemikiran pelajar. Sokongan dari pihak universiti, pensyarah atau penyelia adalah menjadi faktor yang penting dalam mengenalpasti sama ada guru pelatih tersebut mengaplikasi atau tidak pengetahuan mereka tentang keprihatinan terhadap pemikiran pelajar dalam menghasilkan rancangan pengajaran.

Di sini jelas menunjukkan tunjang utama untuk memastikan pengajaran berkesan ialah kaedah perancangan pengajaran yang dijalankan oleh guru. Menurut Kemp (1987), inovasi yang berjaya di dalam pendidikan memerlukan sekurang-kurangnya tiga unsur utama iaitu guru-guru yang mengambil berat tentang keberkesanan pengajaran mereka, pentadbir-pentadbir yang secara sukarela menggalak dan menyokong guru-guru itu dan rancangan yang disusun dengan teliti untuk menggubal amalan-amalan pengajaran yang lebih baik. Daripada ketiga-tiga unsur ini, kelemahan yang paling besar selalunya terdapat dalam unsur yang ketiga iaitu corak rancangan pengajaran.





1.3 Penyataan Masalah

Rancangan Pengajaran Harian (RPH) ialah suatu penyataan pencapaian yang ingin direalisasikan oleh guru di mana ianya akan tercapai melalui beberapa aktiviti di dalam kelas dengan peruntukan masa yang telah ditetapkan. Dalam merancang pengajaran, guru mestilah menyatakan objektif dengan jelas, memilih dan menyusun topik yang ingin diajar serta mengenal pasti kaedah dan prosedur pengajaran. Di sini ditegaskan pengajaran mestilah dirancang terlebih dahulu jika tidak, pengajaran pasti tidak akan tersusun dan pelajar akan gagal untuk menguasai teori dan kemahiran yang diajar (Singh, 2007).



Kebanyakan guru, terutamanya bagi mereka yang baru memulakan karier sebagai guru akan mengalami masalah dalam merancang pengajaran dan gagal menguruskan masa pengajaran dengan baik. Mereka bukan sahaja mendapati bahawa merancang pengajaran itu sukar malah mereka juga mendapati bahawa merancang pengajaran itu sukar diterjemahkan dalam bentuk perkataan dan sebagai sebuah konsep yang relevan dengan proses perancangan tersebut. Hal ini turut disokong oleh Butt (2006) yang menyatakan antara kesukaran guru-guru baru ialah merancang pengajaran dan menurutnya kebanyakan guru baru sebenarnya lebih banyak belajar perkara baru daripada mengajar.

Menurut Orstein & Lasley (2000), kebanyakan guru-guru tidak memahami rasional merancang pengajaran dan kegunaan objektif. Kebanyakan guru-guru lebih memberi penekanan kepada isi kandungan pengajaran, bahan bantu mengajar, dan aktiviti





pembelajaran. Apabila kajian dilakukan ke atas guru-guru yang berpengalaman pula, kebanyakan masa perancangan pengajaran harian digunakan untuk merancang isi kandungan pengajaran dan aktiviti instruksional. Masa yang sangat singkat digunakan untuk merancang objektif pengajaran. Hal ini agak merisaukan memandangkan objektif pengajaran merupakan komponen yang penting dan akan memberi impak yang besar kepada pengajaran guru di dalam kelas.

Menurut Faridah Karim (2000) terhadap guru-guru pula, mendapati bahawa guru-guru mengalami kesukaran dalam melaksanakan komponen-komponen kritikal dalam kurikulum. Guru-guru mengalami masalah dalam mempelbagai strategi pengajaran, melaksanakan aktiviti-aktiviti berpusatkan pelajar, menggunakan teknik-teknik tertentu dalam berinteraksi dengan pelajar, memberikan tugas kepada pelajar, merancang bahan-bahan pengajaran dan bahan bantu mengajar, serta sukar membuat penilaian isi kandungan mata pelajaran. Hal ini menunjukkan bahawa jika guru-guru berpengalaman menghadapi kesukaran dalam menyusun pengalaman pembelajaran yang memberi impak positif kepada pelajar, masalah ini mungkin lebih besar dalam kalangan guru novis.

Jika dilihat dari sudut pengajian di universiti, para pelajar Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (ISMP) yang sudah melepasi empat tahun pengajian di universiti pastinya sudah mempunyai literasi yang tinggi dalam penulisan RPH. Hal ini kerana mereka telah pun mengikuti kursus-kursus asas pendidikan yang wajib mereka lulus. Namun, adakah mereka benar-benar memahami rasional penulisan setiap komponen di dalam RPH? Dalam merancang sesebuah pengajaran, para pelajar ini mestilah merangkumkan kesemua ilmu-ilmu asas keguruan yang telah mereka pelajari seperti psikologi





pendidikan, kaedah dan strategi pengajaran, ilmu-ilmu bidang mata pelajaran major masing-masing serta ilmu untuk membuat pentaksiran. Sehubungan itu, dengan sebuah RPH, kita dapat menilai pengetahuan, pemahaman dan kesediaan pelajar untuk menjadi guru. Mereka juga sebenarnya bukan sahaja perlu mengetahui format penulisan RPH malah mereka juga mesti mendalami rasional di sebaliknya penulisan setiap komponen di dalam RPH tersebut.

Pengkaji mendapati sukar mendapatkan kajian-kajian lepas di Malaysia yang mengkaji tentang tahap kefahaman RPH di kalangan bakal guru. Kebanyakan kajian lepas hanya menekankan tahap literasi guru dalam penulisan RPH. Menurut kajian kuantitatif tahap pengetahuan pedagogi yang dijalankan oleh Jiar & Siti Sara (2010) terhadap guru pelatih dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM) mendapati bahawa tahap pengetahuan pedagogi guru pelatih di UTM berada pada tahap yang tinggi. Kajian ini mengambil kira empat aspek iaitu perancangan guru, pengurusan bilik darjah, pengujian dan penilaian serta kemahiran penyampaian. Namun kajian ini hanya menekankan aspek pengetahuan pedagogi secara am sahaja, tidak memberi fokus dari aspek kefahaman mereka dalam merancang pengajaran.

Selain itu, suatu kajian kualitatif luar Malaysia yang dilakukan oleh Harris & Hofer (2009), berkaitan penghasilan sebuah rancangan instruksional berasaskan aktiviti. Menurutnya, aktiviti pembelajaran mempengaruhi pembinaan rancangan instruksional dan persediaan mestilah berfokuskan kepada standard pelajar, kurikulum berkaitan proses pembelajaran dan hasil pembelajaran serta teknologi yang ada. Pendekatan ini juga direka bentuk bagi membantu guru untuk merancang dengan efektif, efisien, dan menggalakkan

